



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2022

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa semua warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2022. BYDPA **menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam (6) untuk pengajian di peringkat Sarjana (Penyelidikan) dan enam (6) untuk pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D)** di dalam dan luar negara dalam bidang **Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam**.

Pemohon boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **19 Januari 2022 (Rabu)**. Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 22 Februari 2022 (Selasa)** sama ada secara serahan tangan atau pos.

Syarat-syarat permohonan BYDPA Tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i. **Warganegara Malaysia;**
- ii. Umur **tidak melebihi 35 tahun** pada 1 Januari 2022;
- iii. Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang di peringkat pengajian:
  - (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Sarjana**; atau
  - (b) Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Ph.D**;

iv. Telah mendapat **tawaran tanpa syarat (unconditional offer) bagi pengajian secara sepenuh masa** pada tahun penawaran di institusi pengajian tinggi yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian; atau

Telah **memulakan pengajian secara sepenuh masa** pada tahun penawaran di institusi pengajian tinggi yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian;

v. Pengajian bagi peringkat Sarjana adalah **secara mod penyelidikan sahaja** yang mewajibkan penyediaan kertas penyelidikan atau disertasi atau tesis;

vi. Terlibat dalam **penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya iaitu:

(a) Calon Sarjana: Penglibatan calon secara aktif adalah satu kelebihan; atau

(b) Calon Ph.D: Penglibatan calon adalah wajib.

Calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan akan disaring lanjut oleh pihak JPA sebelum disenarai pendek untuk menghadiri temu duga.

Sebarang maklumat lanjut mengenai penawaran ini, sila layari portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian **03 – 8885 3879 / 3569 / 3438/ 3371/ 3571** pada setiap hari bekerja mulai jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** atau e-mel kepada [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my).

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 19 Januari 2022

Tel : 03-7774 3146 / 3088

Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (17)